



(khas bagi Majalah Qalam - tidak dibenarkan dikutip)

## Gantung Tidak Bertali

Ibrahim bin Bachik, Batang Melaka, bertanya: kerap kali kejadian di dalam masyarakat kita, seorang isteri yang ingkar atau yang dikatakan “nusyuz” itu “digantung tidak bertali” oleh suaminya, yakni tidak diceraikan dan tidak pula diberi nafkah. Perbuatan suami yang demikian nampaknya kebanyakan kadi-kadi meluluskannya, harap diterangkan bagaimana hadis Nabi shallā Allah ‘alaihi wa sallam?

Jawab: Walau bagaimanapun ingkarnya seseorang isteri yang dikatakan “nusyuz” itu maka syara’ tidak meluluskan suaminya menggantungnya dengan tidak bertali, yakni tidak diceraikan dan tidak pula diberinya nafkah.

Cara seseorang suami mengambil langkah kepada isterinya yang derhaka (ingkar, nusyuz) telah diterangkan oleh Allah dengan firman-Nya di dalam surah al-Nisā’, ayat 34:

“*Wallāti takhāfūn nashūzahunna fā’izū hanna wahjurūhunna fī al-maḍāji’ waḍribūhunna fa’in ata’nakum falā tabghū ‘alaihinna sabīlā, inna Allāha kāna ‘aliyyan kabīrā.*”

Ertinya: “Dan mereka (perempuan-perempuan) yang kamu takut kederhakaan mereka, hendaklah kamu nasihati mereka, dan hendaklah kamu tinggalkan mereka di tempat-tempat tidur (pulauan, jangan campuri), dan hendaklah kamu pukul mereka, tetapi jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu cari jalan menyusahkan mereka, sesungguhnya Allah itu Maha Tinggi dan Maha Besar”.

Peringatan:

Pertanyaan-pertanyaan yang tidak disertakan tanda tangan dan alamatnya yang terang tidak diraikan. Juga pertanyaan-pertanyaan yang mengenai di sekeliling hal ehwal masyarakat kita itulah yang diutamakan daripada soal yang sulit-sulit dan jarang berlaku oleh kerana ruangan ini adalah bergunajuga untuk panduan pembaca-pembaca.

Ayat yang suci mulia ini menunjukkan suami-suami boleh melakukan kepada isteri-isteri yang ditakuti kederhakaan mereka, tiga macam cara.

Pertama-memberi nasihat.

Kedua-Tidak tidur bersama.

Ketiga-memukul dengan tidak menyakiti.

Jelasnya kalau tidak berjaya melentur isteri yang derhaka itu dengan jalan nasihat baharulah boleh dipulauan di dalam waktu tidur. Dan kalau cara itu tidak juga berjaya baharulah syara’ meluluskan supaya isteri itu dipukul dengan pukulan yang tidak menyakiti sebagai mengajarnya.

Tentang perkara pukul isteri telah dijelaskan oleh junjungan kita (SAW) dengan sabdanya sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibnu Jarīr:

“*lā tahjurū al-nisā’ illā fī al-maḍāji’, waḍrabūhun darabā ghayr mabruḥ.*”

Ertinya: “Janganlah kamu tinggalkan (pulaukan) perempuan-perempuan melainkan di tengah-tengah tidur, dan pukullah mereka dengan pukulan yang tidak menyakitkan.”

Tuhan Azza wa Jalla juga telah menerangkan pula apabila seorang isteri takut timbul suatu perkara yang menjadikan suaminya benci akan dia atau liar daripadanya maka jalan yang sebaik-baiknya hendaklah mereka segera berdamai, firman-Nya:

“*wa inna amra’atun khāfat mim ba’lihā nushūzā aw i’rādān falājūnāha ‘alayhimā an yuṣliḥā baynahumā ṣulḥān wa al-ṣulḥu*”

*khayr*. “ 128 al-Nisā’

Ertinya: “dan jika seorang isteri takut

(timbul) kebencian atau sesuatu yang menyebabkan suaminya berpaling daripadanya, maka tidak mengapa mereka berdua berdamai, kerana pendamaian itu baik” (daripada bercerai berai).

Seseorang suami itu wajib memberi nafkah isterinya dengan dalil firman Allah Ta’ālā yang tersebut di dalam surah al-Ṭalāq, ayat 7:

“*liyunfiq dhū sa’atin min sa’atih waman qudira ‘alayhi rizqah faliyunfiq mimmā atāh Allah lāyukallifu Allah nafsān illā mā ātāhā.*”

Ertinya: “Hendaklah orang yang mampu itu memberi nafkah -kepada isterinya-sekadar kemampuannya, dan orang yang sempit itu hendaklah member nafkah-kepada isterinya-sekadar apa yang diberikan oleh Allah kepadanya.”

Di dalam hadis pula ada tersebut:

“*‘an Jābir ‘an Rasūlullah khaṭaba al-nās fa qāla ittaq Allāh fi al-nisā’ fa ‘innakum akhaztumuhunna bi amanat Allah wa istahallaltum furujahunna bi kalimatillāh wa lahunna ‘alaykum rizquhunna wa kiswatumhunna bi al-ma’rūf...*”

Ertinya: “Jabir meriwayatkan bahawa Rasulullah (SAW) telah berkhotbah kepada orang ramai, sabdanya: bertakwalah kamu kepada Allah tentang perempuan-perempuan kerana kamu telah mengambil mereka sebagai amanah daripada Allah, dan kamu telah menjadikan halal kehormatan mereka dengan nama Allāh, dan wajib atas kamu memberi nafkah dan pakaian kepada mereka dengan cara yang baik...”

Dalam ayat dan hadis ini dan lain-lainnya tidak diterangkan perenggan kewajipan seorang suami mengurus isterinya, oleh itu maka selama isterinya itu masih belum diceraikan maka selama itulah pula dia wajib mengurus dan menanggung nafkahnya.

Ada setengah ulama berpendapatan bahawa perempuan yang dalam “nusyuz” (yang dihukumkan derhaka), maka suaminya tidak wajib menanggung nafkahnya dan tidak wajib mengurusnya. Pada hal tidak ada suatu keterangan pun daripada syara’ yang

mengatakan gugur kewajipan suami yang tersebut apakala dia marahkan istrinya atau isterinya itu derhaka kepadanya.

Salingkan perempuan yang sudah ditalak maka suaminya berkewajipan menanggung nafkahnya dan mengurusnya selama dia dalam edah. Oleh yang demikian maka seorang suami wajib menanggung nafkah isterinya yang dalam “nusyuz”.

Untuk menambahkan penjelasan elok juga diturunkan riwayat Ibnu Umar tentang sesoal nafkah ini sebagaimana yang tersebut di dalam “al-Maḥlī” Juzu’ muka 89: “*kitabun ‘ummar bin al-khaṭṭāb ilā umarā’ al-Ajnād an anzurū min ṭālat ghībatuhu an yub’ithū nafaqatan aw yarji’ū aw yufāriqū fa in fāraqa fāna ‘alayhi nafaqatan māfaraqa min yawm ghāba.*”

Ertinya: “Umar Ibnu al-Khaṭṭāb telah menulis kepada ketua-ketua bala tenteranya: periksalah, barang siapa yang telah lama tidak balik (ke kampung halaman) supaya mereka mengirimi nafkah, atau balik, atau pun mereka menceraikan (isteri-isteri mereka). Jika seseorang menceraikan (isterinya) maka wajib atasnya memberi nafkah selama ia meninggalkan isterinya itu”.

Suatu riwayat lagi di dalam “al-Maḥlī” juzu’ 10, muka 89 yang tersebut:

“*Sa’alta al-ḥakim bin ‘atabh ‘an amra’at kharajat min bait zawjahā ghāḍibah hal lahā nafaqah? Qāla: Na’am.*”

Ertinya: “Aku ada bertanya kepada al-Ḥakim bin ‘Atabh dai hal seorang perempuan yang telah keluar dari rumah suaminya dengan marah (merajuk) berhakkah ia mendapat nafkah? Jawab al-Ḥakim: “Ya” (berhak)”

Riwayat ini menegaskan bahawa seorang isteri yang keluar dari rumah suaminya dengan marah (nusyuz), wajib si suami memberi nafkah kepadanya.

\*

## Hukum Nikah Orang Kafir yang Masuk Islam

Ibnu Muhammad, Kuala Pilah bertanya: di tempat saya ada dua orang Ceylon suami isteri telah memeluk agama Islam,

apa hal nikah mereka, memadaikah dengan nikah lama ketika mereka memeluk agama Buddha atau wajib mereka membaharuinya menurut hukum Islam?

Jawab: menurut yang biasa berlaku semasa Rasulullāh (SAW) hidup, bahawa apabila dua orang kafir suami isteri memeluk agama Islam maka mereka tidak disuruh oleh Nabi supaya membaharui nikah mereka. Sepanjang yang diketahui ulama-ulama Islam tidak bertelingkah dalam masalah ini, alasannya:

Hadis yang diriwayatkan oleh Ahmad, Abū Dāwud dan Ibnu Majah yang berbunyi:

“*Qāla Ibn ‘Abbās anna al-nabī ṣallā Allah ‘alaihi wasallam radda ibnatuhu Zaynab ‘Alī Abī al-‘āṣ zawjahā bi nikāhiha al-awwal ba‘da sanatayn wa lam yahduth ṣādiqan.*”

Ertinya: “Ibnu ‘Abbās berkata, bahawa Nabi (SAW) telah mengembalikan anakandanya Zainab kepada suaminya Abī al-‘Āṣ dengan nikahnya yang pertama sesudah dua tahun (mereka berkahwin secara jahiliah), dengan tidak pula dibaharui mas kahwinnya lagi.”

\*

## Perempuan Kurang Akal dan Kurang Agamanya

A.M. Kuala Lumpur bertanya: Apa maksud hadis Nabi yang menerangkan bahawa perempuan itu kurang akal dan kurang agamanya, harap mendapat penjelasan.

Jawab: Keterangan hadis memang tepat dan tidak pula bertujuan hendak merendahkan martabat kaum ibu. Mereka biasanya datang “bulan” pada tiap-tiap bulan yang akan menjadikan mereka tidak dapat mengerjakan sembahyang, dan pada bulan puasa juga kalau datang “adat” mereka yang tersebut, mereka tidak akan dapat mengerjakan puasa. Berlainan dengan kaum lelaki yang mengerjakan kedua-dua rukun itu terus menerus. Inilah yang diisytiharkan dengan sabdanya: kaum perempuan itu “kurang agamanya”.

Tentang mereka: “kurang akal” pula, ialah disebabkan mereka lekas pelupa, berbanding dengan kaum lelaki, lagi pun mereka lekas terpengaruh dan lemah perasaan. Penyakit pelupa

yang telah sebatu kepada kaum ibu itu sebenarnya telah menimbulkan kerumitan yang bukan kecil dalam rumah tangga. Biasanya seseorang perempuan apabila tersentuh hatinya disebabkan suatu kesalahan dari suaminya, maka ia dengan tidak kenang mengenang lagi terus melupakan kebaikan suaminya pada masa yang lalu.

Inilah bebas hukum syara’ – dalam perkara menjadi saksi-menetapkan dua orang perempuan menyemai saksi seorang lelaki, dengan alasan firman-Nya: “*an taḍilla iḥdāhumā fa tudhakkir iḥdāhumā al-ukhrā*” 283 al-Baqarah.

Ertinya: “Jika lupa salah seorang daripada keduanya, maka yang lain itu akan mengingatnya”.

---

(Sambungan daripada muka 35)

mengerjakan perbuatan-perbuatan yang ‘asi, membesarkan *dancing-dancing* menghidupkan kebudayaan Hindu dan kebudayaan Barat yang berlawanan dengan ruh dan jiwa Amerika. Iaitu jiwa Islam yang telah dipertahankan mereka dalam perjuangan-perjuangan melawan musuh-musuh atau penakluk-penakluk mereka berpuluh-puluh tahu lamanya.

Di dalam keadaan perlawanan yang demikian ini, menurut punca-punca yang mengetahuinya, walau pun Doktor Muhammad Hatta diserahkan usaha untuk mendamaikan Aceh itu harus tidak akan berjaya. Keadaan semakin melupa dan tidak boleh dicuakan. Daripada Aceh inilah kelak harus langkah-langkah negara Islam di Indonesia akan mara ke hadapan sehingga tercapai cita-cita yang mulia itu.

Orang yang dapat menyelesaikan perkara ini hanyalah seorang sahaja, iaitu Mohammad Natsir. Menurut punca ini, itu pun dengan bersyarat iaitu hendaklah Jemaah Menteri Ali -Wawangso ini jatuh dahulu baharu dapat diselenggarakan perkara ini- kalau tidak, tidaklah dapat diselesaikan sebab sedangkan alat-alat Belanda dahulu payah menentang Aceh apa pula keadaan sekarang di dalam mana kerajaan Indonesia terpaksa menghadapi di sana sini perasaan-perasaan tidak puas hati. Bagaimana kesudahannya marilah sama-sama kita lihat dahulu.